

REKA BENTUK MODEL PENGAJARAN TARANUM AL-QURAN: ANALISIS TERHADAP MODEL-MODEL PENGAJARAN YANG TERPILIH

Muhamad Nasir Mohamad Salleh

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
anasghamidi@gmail.com

Zaharah Hussin

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Mohd Faisal Mohamed

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

Abstrak: Reka bentuk Model Pengajaran Taranum al-Quran untuk Institusi Pengajian Tinggi (MPTQ-IPT) memerlukan satu kerangka pemodelan yang jelas, teratur dan berkesan. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan model-model pengajaran yang terpilih sebagai suatu kerangka konseptual bagi pembentukan MPTQ-IPT. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti tiga model pengajaran yang bersesuaian iaitu Model Pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi, Model Pengajaran Asas menurut Robert Glaser serta model sokongan iaitu Model Pengajaran Taranum menurut Mazhair Shahroz Muhasip. Hasil keunikan gabungan tiga model pengajaran tersebut menghasilkan enam komponen utama pengajaran taranum. Secara keseluruhannya, pembentukan MPTQ-IPT melalui penelitian terhadap model-model yang dikemukakan merupakan suatu usaha memastikan proses tersebut melalui prosedur kajian, perbincangan dan penilaian pakar secara bersistematik ke arah mentransformasikan metode pengajaran pensyarah taranum dari semasa ke semasa.

Kata Kunci: Model Pengajaran, Taranum al-Quran, Institusi Pengajian Tinggi, Reka Bentuk Model.

Pengenalan

Taranum ialah suatu ilmu yang membincangkan tentang cara-cara melagukan bacaan al-Quran (Wan Hilmi Wan Abdullah, 2010) melalui kaedah suara yang diperbagaikan bunyi mengikut nada, rentak dan irama tertentu (Nik Jaafar Nik Ismail, 1998). Menurut Muhammad (1994) yang mensyarahkan *matan* Imam al-Jazari (799H) menyatakan bacaan al-Quran secara bertaranum termasuk salah satu elemen dari empat elemen asas yang terdapat pada kemahiran tilawah al-Quran selain elemen tajwid, *tabsin sawt* (mencantikkan suara) dan *lahjah* arab. Di Malaysia, istilah taranum sudah menjadi sinonim dengan merujuk kepada lagu al-Quran sementara bagi negara Arab, istilah taranum tidak masyhur kerana mereka menggunakan istilah *al-nagham* dan *al-maqamat* (Khalid Isa, 2011).

Dalam seni taranum, terdapat kepelbagaian jenis lagu yang telah lama wujud sebagaimana al-'Asqalani (1414H) menyatakan Ibn 'Abbas meriwayatkan bahawa Nabi Daud a.s. membaca kitab Zabur dengan 70 jenis lagu. Namun secara asasnya terdapat tujuh jenis lagu asas seperti *Bayyati*, *Hijaz*, *Soba*, *Nahawand*, *Rast*, *Sikah* dan *Jiharkab* (Nik Jaafar Nik Ismail, 1998; Mohd Ali Abu Bakar, 1990; al-Qabbani, 1998) yang terkenal untuk dipelajari dan diamalkan pada masa kini. Kesempurnaan setiap jenis lagu tersebut adalah bergantung kepada peranan istilah asas yang dapat diterapkan oleh pembacanya seperti penggunaan *jumlah* ayat, *barakat*, *tabaqah santiyyah*, *qit'ah*, *mabattah*, *salalim*, *intiqal maqamiyyah*, *sawt al-mubayyar*, bunga suara dan perpindahan lagu kepada lagu lain (Wan Hilmi Wan Abdullah, 2010; Wan Hilmi Wan Abdullah, 2014; Anuar Hasin, 2017; Muhamad Nasir Mohamad Salleh, 2017; Dasrizal, 2012).

Pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi, pelaksanaan kurikulum pendidikan al-Quran adalah bergantung pada sejauhmana peranan pentadbir terhadap keperluan menerapkan kursus tersebut (Nor

Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir, 2017). Dalam konteks mahasiswa yang mengambil kursus taranum di Institusi Pengajian Tinggi, kemahiran bertaranum dapat dikuasai melalui amalan pengajaran yang digunakan secara jelas, tepat dan sesuai daripada para pensyarah. Oleh yang demikian, seseorang pensyarah taranum al-Quran itu mestilah mempunyai panduan dari aspek pemilihan komponen utama serta elemen pengajaran yang pelbagai agar dapat meningkatkan pencapaian mahasiswa secara berterusan. Hal ini selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bahawa potensi setiap individu perlu dikembangkan secara menyeluruh dan bersepadu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Pernyataan Masalah Kajian

Menurut tokoh pendidikan Islam al-Qabisi (1955) sesuatu pengajaran itu mestilah bersandarkan kepada penetapan matlamat pengajaran dan objektif pengajaran yang ingin dicapai. Manakala sarjana barat Robert Glaser (1962) berpandangan langkah awal dalam sesuatu pengajaran adalah dengan menetapkan objektif pengajaran. Dalam konteks pengajian kursus taranum yang disediakan di beberapa buah IPT, penilaian ke atas prestasi semasa mahasiswa serta di akhir pelajaran akan menentukan sejauhmana objektif pengajaran tercapai. Namun begitu, penguasaan mahasiswa dalam bacaan asas taranum sehingga ke hari ini masih menjadi pokok persoalan. Hasil tinjauan daripada beberapa kajian lepas menunjukkan kelemahan mahasiwa (Saidah Haris, 2018; Mohd Khairulazman Abu Bakar, 2014; Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki, 2011) dalam kemahiran bacaan al-Quran secara bertaranum.

Pengkaji berpendapat masalah tersebut berkait rapat dengan penggunaan metode pengajaran pensyarah taranum dalam pengajaran. Seseorang guru yang berkemahiran itu mestilah mahir dalam menyepadukan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Namun begitu, hasil kajian lepas oleh Dasrizal (2012) mencadangkan bahawa pensyarah taranum perlu lebih kerap menggunakan teknik pengajaran yang pelbagai, penggunaan alat bantu mengajar berbentuk moden serta keterlibatan dalam kursus pengajaran melalui inisiatif pihak yang bertanggungjawab. Perkara ini turut berhubungan dengan satu pengujian dalam kajian Mohd Ariffin Salleh, Zulkifli Ismail, Noor Zaly Mokhtar Kasim dan Khadijah Abd. Razak (2010) di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka terhadap 18 orang mahasiswa yang telah selesai mengambil kursus taranum. Hasil dapatan menunjukkan pemilihan kaedah yang tepat melalui rawatan latihan suara dan *takrar* berjaya meningkatkan kemampuan mahasiswa bertaranum yang pada mulanya tidak mempunyai sebarang asas kemahiran tersebut. Hal ini membuktikan pencapaian seseorang pelajar dalam kemahiran bertaranum mempunyai hubungan dengan sejauhmana amalan pengajaran yang digunakan (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014). Selain itu, bukti lain menyebut terdapat kajian yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan ($r=0.037$, $sig=0.848$) antara minat membaca al-Quran dengan kebolehan bertaranum dengan al-Quran (Sakri Yusoff & Ab. Halim Tamuri, 2010). Hal ini juga membuktikan bahawa kebolehan bertaranum berkait rapat dengan kemampuan guru menggunakan metode pengajaran yang berkesan melebihi minat pelajar itu sendiri.

Jika diimbaz kembali terhadap masalah yang dikemukakan di atas, tidak terdapat suatu model pengajaran taranum di IPT yang lengkap menerusi sorotan literatur lepas dapat dihasilkan. Oleh sebab itu, terdapat keperluan untuk mereka bentuk MPTQ sebagai satu panduan transformasi pengajaran buat pensyarah taranum di IPT. Namun persoalannya, bagaimanakah prosedur pemilihan kerangka model yang bersesuaian bagi pembentukan model tersebut? Justeru, keutamaan kajian ini ialah untuk mengemukakan model-model pengajaran yang terpilih sebagai satu pendekatan awal mereka bentuk MPTQ untuk IPT.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan model-model pengajaran yang terpilih sebagai cadangan pembentukan MPTQ untuk IPT.


Metodologi Pemilihan Model

Dalam kajian ini, metode pemilihan model-model pengajaran adalah berdasarkan tinjauan terhadap sorotan literatur dalam bentuk kitab muktabar, buku ilmiah, dokumen (Idris Awang, 2009) serta bacaan mendalam pengkaji yang membahaskan pemikiran tokoh sarjana Islam al-Qabisi dan tokoh sarjana barat Robert Glaser. Selain itu, pengkaji turut melakukan pembacaan terhadap hasil penyelidikan dapatan akhir kajian Mazhair Shahroz Muhasip (2014) sebagai model sokongan kajian. Hasil penelitian terhadap tiga model pengajaran tersebut dapat membantu pengkaji membuat keputusan menentukan komponen pengajaran yang sesuai untuk pembentukan MPTQ di peringkat pengajian tinggi.

Analisis Model-model Kajian

Analisis Terhadap Model Pengajaran al-Quran (Al-Qabisi, 1955)

Model Pengajaran al-Quran berasaskan pemikiran al-Qabisi telah dirungkai melalui penulisan syarahan kitab klasik oleh Ahwani (1955) dan Ahmad Khalid (1986) terhadap kitab utama beliau yang bertajuk “*Al-Risalah al-Mufassilah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'alimin*”. Selain itu, penulisan buku ilmiah (al-Na'miy, 1994; Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003) dan dokumen berbentuk tesis (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014; Paharudin Arbain, 2015 dan Azmil Hashim, 2010) yang dapat diteroka serta bacaan pengkaji sendiri secara mendalam telah dapat mengenal pasti beberapa komponen pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi. Secara umumnya, komponen pengajaran tersebut terdiri daripada matlamat, objektif, kaedah, teknik, alat bantu mengajar dan penilaian yang berkait dengan kemahiran bacaan al-Quran. Rajah 1 memaparkan komponen pengajaran dalam Model Pengajaran al-Quran oleh al-Qabisi yang akan disesuaikan dalam reka bentuk model konteks kajian.



Rajah 1: Komponen Utama Model Pengajaran al-Qabisi

Secara umumnya, al-Na'miy (1994) dan Ahwani (1955) menyatakan matlamat pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi adalah untuk memahami agama (*ma'rifatuddin*) dan membentuk akhlak. Perkara ini bersandarkan kepada kenyataan al-Qabisi yang menyebut:

“...*apakah seorang bapa itu tidak menyeru dan tidak mengajarkan anaknya agama meskipun anaknya masih kecil...*”. (al-Qabisi, p. 291, 1955)

“*Dan telah diperintahkan orang-orang Islam untuk mengajar anak-anak mereka, mengelokkan pengajaran mereka serta mengadabkan mereka...*” (al-Qabisi, p. 290, 1955)

Manakala objektif pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi adalah supaya dapat menghafal ayat al-Quran (*hifẓ*), menghayati maksud ayat (*wa'iy*) dan membaca semula (*istirja'*) secara *tartil* (Ahwani, 1955; Azmil Hashim, 2010; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014). Berdasarkan ketiga-tiga objektif tersebut dapat difahami bahawa ia saling berkait antara satu sama lain. Perumpamaan orang yang menghafaz al-Quran adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda “*Perumpamaan orang membaca al-Quran sedang dia menghafalnya maka ia akan bersama para malaikat mulia*” (Riwayat Bukhari, no. hadith 4937). Pengkaji dapat merumuskan bahawa objektif pengajaran menurut al-Qabisi (1955) yang bersandarkan kepada hafalan al-Quran dalam kalangan anak-anak turut disertakan dengan penghayatan ayat (*wa'iy*) secara berterusan serta dapat mengulang bacaan (*istirja'*) ayat al-Quran yang betul agar lancar dan tidak gagap.

Seterusnya, Ahwani (1955) menyatakan al-Qabisi turut menggariskan panduan dalam kaedah pengajaran al-Quran seperti kaedah *talqin*, *takrar*, *al-mail* (cintakan al-Quran) dan *al-fahm*. Manakala teknik pelbagai pancaindera ditekankan seperti teknik menulis, mendengar, melihat dan membaca (Ahwani, 1955; Azmil Hashim, 2010; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014). Melalui teks penulisan Ahmad Khalid (1986), pengkaji tidak menghadapi kesukaran untuk menyatakan penggunaan alat bantu mengajar yang ditekankan oleh al-Qabisi dalam pelajaran ialah mushaf al-Quran, buku catatan dan alat tulis. Hal ini berdasarkan kenyataan al-Qabisi:

“...adalah penting untuk guru mengajar kanak-kanak bacaan al-Quran dan penulisan...” (al-Qabisi, p. 290, 1955)

Dalam aspek penilaian pengajaran, al-Na'miy (1994) menyatakan penilaian disisi al-Qabisi adalah melalui penilaian dalam bentuk berkala secara harian dan mingguan, peperiksaan akhir serta pemerhatian. Bahkan, al-Qabisi (1955) turut menyatakan guru perlu untuk melaporkan kepada ibu bapa akan kelemahan pelajar supaya ibu bapa pelajar tersebut dapat menerima kekurangan yang terdapat pada anaknya. Secara keseluruhannya, Model Pengajaran al-Quran (al-Qabisi, 1955) akan disesuaikan dalam konteks pembentukan model kajian.

Analisis Terhadap Model Pengajaran Asas (Robert Glaser, 1962)

Robert Glaser (1962) melalui Model Pengajaran Asas yang dibentuk oleh beliau memberi penekanan bahawa sesuatu pengajaran itu mestilah bermula dengan penetapan objektif pengajaran. Seterusnya, beliau memberi penegasan betapa pentingnya tugas sistem pengajaran yang berkesan sejurus setelah sesuatu objektif minimum ditentukan (Robert Glaser, 1962). Paling utama, penetapan objektif tersebut mestilah sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar manakala prosedur pengajaran perlu melibatkan pelbagai kaedah (Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya, 2012).

Berkait dengan komponen pengetahuan sedia ada, setiap pelajar kebiasaannya mempunyai sesuatu pandangan tersendiri serta pengetahuan mengenai sesuatu mata pelajaran atau mungkin juga berkemampuan dari segi prestasi. Oleh sebab yang demikian, adalah mustahak untuk guru mengesan prestasi dan pengetahuan awal pelajar melalui ujian kebolehan dan pencapaian (Robert Glaser, 1962). Kepentingan ujian-ujian awal ini sebagai langkah meramal prestasi yang akan berlaku semasa pengajaran berlangsung atau pada akhir pengajaran (Robert Glaser, 1962).

Dalam aspek penilaian pengajaran, penilaian prestasi melalui ujian yang digunakan adalah untuk menentukan sejauh mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran (Robert Glaser, 1962). Robert Glaser (1976) menyatakan ujian perlu ditafsirkan dari segi kriteria prestasi sehingga pelajar dimaklumkan mengenai kemajuan dan penguasaan pelajar tersebut. Sekiranya hasil penilaian menunjukkan terdapat kelemahan pelajar seperti kurang menguasai atau mencapai tahap pencapaian lebih rendah, perkara ini

menjadi maklum balas guru agar perlu untuk mengubahsuai proses pengajarannya (Wazzainab Ismail, Hafida Mohamed Nordin dan Noorazimah Ismail, 2019) demi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Paling utama, objektif yang telah ditentukan mestilah sepadan dengan kebolehan pelajar dan bukannya guru (Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz, 2003). Secara umumnya, Model Pengajaran Asas yang telah dikemukakan oleh Robert Glaser (1962) dalam Rajah 2 di bawah disesuaikan dalam konteks mereka bentuk MPTQ untuk IPT.




Rajah 2: Model Pengajaran Asas (Robert Glaser, 1962)

Analisis Terhadap Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014)

Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014) dijadikan sebagai model sokongan kepada model yang telah dinyatakan di atas. Justifikasi pemilihan model ini adalah disebabkan pengkaji memerlukan suatu model berbentuk kerangka panduan pengajaran taranum sedia ada yang sesuai untuk dijadikan sebagai sandaran. Selain itu, model ini turut dibina melalui teori pemikiran al-Qabisi (1955) tentang hal-hal yang berkaitan dengan pengajaran al-Quran.

Model Pengajaran Taranum ini terhasil melalui kajian penilaian pelaksanaan pengajaran taranum al-Quran dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz (KKQ). Sumbangan kajian ini terarah kepada suatu usaha penambahbaikan terhadap pelaksanaan KKQ melalui beberapa aspek seperti objektif dan matlamat pelaksanaan, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, ABM/BBM dan pencapaian pelajar (Robiatul Adawiah Jamali dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2016). Pembentukan enam komponen Model Pengajaran Taranum menurut Mazhair Shahroz Muhasip dapat ditunjukkan seperti yang tertera dalam Rajah 3 di bawah:



Rajah 3: Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014)

Kemahiran membaca al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu yang bergerak seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain serta saling melengkapi antara satu sama lain (Azmil Hashim, Mazhair Shahroz Muhasip dan Mohd Burhan Jusoh, 2014). Secara asasnya, matlamat pengajaran taranum menurut Mazhair Shahroz Muhasip (2014) adalah untuk mengetahui hal ehwal agama, memiliki akhlak yang mulia, menghafaz ayat taranum al-Quran, menghayati isi kandungan dan mampu untuk membaca semula al-Quran dengan baik. Menurut beliau, matlamat yang diletakkan ini berpadanan dengan matlamat dan objektif pengajaran di sisi al-Qabisi (1955). Seterusnya, objektif pengajaran taranum adalah berfokuskan kepada buku panduan KKQ bagi pelajar tingkatan empat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008) seperti berikut:

- Menceritakan sejarah taranum *Sikab*.

- Menceritakan sifat-sifat taranum *Sikah*.
- Menerangkan peranan taranum *Sikah*.
- Menjelaskan *barakat-barakat* taranum *Sikah* dan peranannya.
- Menjelaskan sejarah taranum *Jibarkah*.
- Menjelaskan sifat-sifat dan ciri-ciri taranum *Jibarkah*.
- Mengetahui peranan taranum *Jibarkah*.
- Mengenal *barakat- barakat* taranum *Jibarkah* dari segi *mabattah* dan *tabakatnya*.
- Mengalunkan taranum *Jibarkah*.
- Mengulangkaji taranum yang telah dipelajari
- Menyatakan istilah-istilah dalam taranum.
- Menyatakan pengertian *wuthlah mumathalah*.
- Menjelaskan pengertian *barakat*.
- Menerangkan *barakat* dan *mabattahnya*.
- Menerangkan peranan *mabattah*.
- Menerangkan pengertian *qit'ab*.
- Menerangkan bahagian-bahagian *qit'ab*.
- Menghuraikan peranan *qit'ab*.
- Menyatakan pengertian *burdah*.
- Menjelaskan bahagian-bahagian *burdah*.
- Menghuraikan sifat-sifat *burdah*.
- Menerangkan peranan *burdah*.

Menyentuh berkenaan kaedah pengajaran, Mazhair Shahroz Muhasip, Azmil Hashim dan Misnan Jemali (2012) menyatakan kaedah pengajaran dalam kelas KKQ secara umumnya adalah terdiri daripada elemen *talaqqi mushafahah*, *takrar*, *tasmi'* dan *al-fahm*. Manakala teknik pengajaran pula merangkumi teknik mendengar, graf, beransur-ansur, pemanasan suara, latihan taranum, hafalan, rakaman dan teknik meniru (Mazhair Shahroz Muhasip, Azmil Hashim dan Misnan Jemali, 2012). Selain itu, abm/bbm berbentuk elektronik dan bukan elektronik turut digunapakai (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014). Dalam aspek penilaian pengajaran, Mazhair Shahroz Muhasip (2014) menyatakan penilaian dalam bentuk harian, mingguan dan peperiksaan adalah selari dengan penilaian pengajaran menurut pandangan al-Qabisi yang telah dinukilkan al-Na'miy (1994). Secara keseluruhannya, pengkaji telah mengadaptasi Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014) untuk disesuaikan dalam konteks kajian bagi pembentukan MPTQ untuk IPT.

Dapatan Kajian

Berdasarkan perbincangan terhadap model-model pengajaran di atas, pengkaji telah membentuk sebanyak enam komponen pengajaran yang merangkumi matlamat pengajaran, objektif pengajaran, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, abm/bbm dan penilaian pengajaran. Pemilihan enam komponen pengajaran ini akan diterapkan sebagai keperluan dalam mereka bentuk MPTQ untuk IPT. Jadual 1 menunjukkan perincian komponen pengajaran dalam reka bentuk model kajian.

Jadual 1: Perincian Komponen Pengajaran untuk Reka Bentuk Model Kajian

BIL.	MPQQ	MPAG	MPTM	MPTQ-IPT	PERINCIAN
1.	Matlamat Pengajaran	-	Matlamat Pengajaran	Matlamat Pengajaran	Dalam konteks kajian ini, matlamat pengajaran taranum al-Quran dalam tempoh jangka masa panjang adalah supaya mahasiswa dapat menghayati agama Islam dari aspek-aspek yang berkaitan serta membentuk akhlak yang mulia.
2.	Objektif Pengajaran	Objektif Pengajaran	Objektif Pengajaran	Objektif Pengajaran	Dalam konteks kajian ini, objektif pengajaran taranum al-Quran adalah supaya mahasiswa mampu menguasai tujuh jenis taranum al-Quran asas yang bersesuaian dengan aras pengetahuan mahasiswa.
3.	Kaedah Pengajaran	Prosedur Pengajaran	Kaedah Pengajaran	Kaedah Pengajaran	Dalam konteks kajian ini, kaedah pengajaran yang digunakan ialah kaedah <i>al-fahm</i> (kefahaman), <i>talaqqi mushafahah</i> , <i>takrar</i> dan <i>tasmi</i> '.
4.	Teknik Pengajaran	Prosedur Pengajaran	Teknik Pengajaran	Teknik Pengajaran	Dalam konteks kajian ini, teknik pengajaran taranum al-Quran yang digunakan ialah teknik pelbagai pancaindera seperti teknik mendengar dan teknik mengalun.
5.	Alat Bantu Mengajar	Prosedur Pengajaran	ABM/BBM	ABM/BBM	Dalam konteks kajian ini, ABM/BBM yang diketengahkan terdiri daripada bahan bukan elektronik dan bahan elektronik. Contoh bagi bahan elektronik ialah seperti perakam suara.
6.	Penilaian Pengajaran	Penilaian Pengajaran	Penilaian Pengajaran	Penilaian Pengajaran	Dalam konteks kajian ini, penilaian pengajaran taranum al-Quran dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu penilaian harian dan minggu serta peperiksaan akhir.

*Nota:

- 1) MPQQ = Model Pengajaran al-Quran al-Qabisi
- 2) MPAG = Model Pengajaran Asas Glaser
- 3) MPTM = Model Pengajaran Taranum Mazhair
- 4) MPTQ-IPT = Model Pengajaran Taranum al-Quran IPT

Dalam kajian ini, pengkaji telah berusaha untuk memastikan pemilihan model-model pengajaran adalah bersesuaian dan dapat memenuhi objektif kajian. Model Pengajaran al-Quran (al-Qabisi, 1955) terdiri daripada enam komponen pengajaran yang merangkumi matlamat, objektif, kaedah, teknik, abm dan penilaian manakala Model Pengajaran Asas (Robert Glaser, 1962) pula terdiri daripada empat komponen pengajaran iaitu penetapan objektif, pengetahuan sedia ada, prosedur pengajaran dan penilaian.

Pengkaji turut memilih model sandaran iaitu dengan mengadaptasi Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014) yang terdiri daripada enam komponen pengajaran merangkumi matlamat, objektif, kaedah, teknik, abm/bbm dan penilaian. Hasil gabungan ketiga-tiga model pengajaran tersebut membentuk enam komponen MPTQ untuk IPT dalam kerangka model konseptual kajian seperti yang tertera dalam rajah 4 di bawah:



Rajah 4: Kerangka Model Kajian

Kesimpulan

Transformasi metode pengajaran pensyarah khususnya dalam kursus pengajian taranum di Institusi Pengajian Tinggi perlu diambil perhatian sewajarnya. Oleh kerana itu, pengkaji telah mengambil inisiatif untuk mereka bentuk MPTQ melalui satu prosedur awal pemodelan yang teratur. Berdasarkan tiga model pengajaran yang telah dikenal pasti, pengkaji telah membentuk sebanyak enam komponen pengajaran yang telah dibincangkan untuk diterapkan dalam reka bentuk model sebenar kajian. Dengan adanya usaha ini, implikasi kajian yang diharapkan ialah lebih banyak lagi penerokaan terhadap model-model pengajaran lain untuk diterapkan khususnya dalam mereka bentuk model pengajaran taranum di peringkat pengajian tinggi. Selain itu, hasil penerokaan ini boleh digunakan sebagai rujukan buat penggubal kurikulum, pensyarah dan pihak yang berkepentingan untuk memperkemaskan lagi pro forma sedia ada taranum al-Quran.

References

- Ahmad Khalid. (1986). *Ar-Risalah al-mufasssolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam al-mu'allimin wal muta'allimin*. Tunisia: As-Sharikat al-Tunisiyah al-Tauzi'.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1955). *At-tarbiyyah fil Islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar. (1414h). *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan Al-Qabisi*. (Mohd Ramzi Omar, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. (Original work published 1984).
- Al-Qabbani, Muhamad 'Arabi. (1998). *Jami' al-Nafahat al-Qudsiyyah*. Damsyiq: Dar al-Khair.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-mufasssolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam almu'allimin wal muta'allimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-'Arabiyyah.
- Anuar Hasin. (2017). *Baramij Tanmiyah Ilm al-Tarannum fi Malizja: Dirasah Tabliliiyyah Tatbiqiiyyah 'al Maslahat al-Syu'un al-Islamiyyah al-Maliziab*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azmil Hashim, Mazhair Shahroz Muhasip dan Mohd Burhan Jusoh. (2014) Persepsi pelajar terhadap amalan pembelajaran tarannum al-quran. *Journal of Technical and Social Sciences*, 1(1).
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-quran di darul quran JAKIM dan maahad tahfiz al-quran negeri (MTQN)*. (Unpublished doctoral dissertation). The National University of Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Dasrizal. (2012). *Sistem pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran di STAI-PIQ Sumatera Barat*. (Unpublished master's thesis). The National University of Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2003). *Prinsip-prinsip Pendidikan Islam*. Bentong: PTS Publication & Distributor.
- Idris Awang. (2009). *Penyelidikan ilmiah: amalan dalam pengajian Islam*. Shah Alam: Sri Elila Resources.
- Kamarudin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz. (2003). *Pedagogi: asas pendidikan*. Percetakan Sentosa: Kuala Lumpur.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku panduan kelas khas kemahiran membaca dan menghafaz tingkatan empat dan lima*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar pendidikan kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Khalid Isa. (2011). *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya dalam ilmu tarannum al-Quran di Malaysia*. (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mazhair Shahroz Muhasip. (2014). *Penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tarannum al-quran di Kuala Lumpur dan Selangor*. (Unpublished master's thesis). Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, Malaysia.

- Mohd Aderi Che Noh. (2015). *Pengajaran & pembelajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Ali Abu Bakar. (1990). *Seni Lagu al-Quran Di Malaysia*. (1st ed.) Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mohd Ariffin Salleh, Zulkifli Ismail, Noor Zaly Mokhtar Kasim & Khadijah Abd. Razak. (2010). Tahap penguasaan tarannum *bayati* dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru. *Proceedings of The International Conference on Islamic Education*.
- Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya. (2012). Model pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. *International Seminar on Islamic Teaching and Education*, 867-868.
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh. (2017). Penguasaan tarannum al-quran: analisis terhadap peserta majlis tilawah al-Quran sekolah-sekolah menengah kementerian di daerah Klang. *Jurnal of Quranica*, 9(1), 1.
- Muhammad Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Jazari. (1994). *Tayyibat al-Nasr fi al-qiraat al-'asbr*. Jeddah: Dar al-Huda.
- Nik Jaafar Nik Ismail. (1998). *Qawa'id al-tarannum*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir. (2017). Peranan IPTA dan IPTS dalam menerapkan pendidikan al-Quran di dalam kurikulum sebagai kursus teras bagi semua pelajar Islam di Malaysia: Kajian awal di beberapa buah IPT di Malaysia. *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference*. 1129-1143.
- Paharudin Arbain. (2015). *Eksplorasi pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran program j-Qaf dan hubungannya dengan pencapaian murid*. (Unpublished doctoral dissertation). Sultan Idris Education University, Tanjong Malim, Malaysia.
- Robert Glaser. (1962). *Training research and education*. Pittsburg: University of Pittsburg.
- Robert Glaser. (1976). Components of a psychology of instruction: toward a science of design. *Review of Educational Research*, 46(1), pp. 1-24.
- Robiatul Adawiah Jamali dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2016). Kajian pendekatan pengajaran tarannum al-Qur'an dalam kalangan guru pelatih Sarjana Muda Pendidikan Islam. *International Conference Islam in The Malay World. ICON IMAD VI*.
- Saidah Haris. (2018). *Pengajian Tarannum Al-Quran di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG): Kajian Aplikasi Kaedah Pengajaran Qari di Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sakri Yusoff & Ab. Halim Tamuri. 2010. Hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran bertarannum dan bertajwid. *Proceedings of The International Conference on Islamic Education*.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2010). *Fannu tilawah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2014). *Pengaruh tarannum qari-qari mesir terhadap qari-qari di Malaysia*. (Unpublished master's thesis). The National University of Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Wazzainab Ismail, Hafida Mohamed Nordin dan Noorazimah Ismail. (2019). Kerangka model mengajar dari hati ke hati (MHH) satu cadangan pendekatan penyampaian ilmu bahasa. *Jurnal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(1).